

Headline	Utamakan spesies pokok tempatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	155 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,190



**POKOK kapur terkenal dengan kecantikan corak susun atur daunnya. - GAMBAR IHSAN FRIM**

## Utamakan spesies pokok tempatan

### SAUDARA PENGARANG,

**SAYA** tertarik dengan laporan akhbar baru-baru ini mengenai langkah pihak tertentu menanam pokok *ceiba chodatii* bagi memperindah landscape Bandar Baharu Kuala Nerus, Terengganu.

Pokok hiasan berasal dari Brazil dikatakan berharga lebih RM180,000 sebatang. Keghairahan menanam pokok berasal dari luar negara hanya akan menyebabkan spesies tumbuh-tumbuhan tempatan terus terpinggir.

Penyakit meminggirkan bahasa Melayu dengan mengutamakan bahasa Inggeris nampaknya telah menjangkiti bidang landscape.

Pelancong yang melawat negara ini sudah tentu ingin melihat pokok yang memaparkan wajah Malaysia dan bukannya pokok asing yang lebih banyak terdapat di negara asal.

Berdasarkan maklumat daripada seorang rakan yang pernah berkhidmat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), pokok yang sepatutnya ditanam adalah jenis kapur yang mampu mencecah sehingga ketinggian 60 meter.

Pokok kapur amat terkenal dengan keunikan dan kecantikan corak susun atur daunnya.

**SYALELE**

Pasir Putih, Kelantan